

# PM kecewa pembangunan demi keselesaan rakyat dipolitikkan

Anwar tegaskan tidak timbul isu kerajaan rampas tanah penduduk menerusi PSB

Oleh Zanariah Abdul Mutalib  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tidak timbul isu kononnya kerajaan mahu merampas tanah rakyat, khususnya Rizab Melayu menerusi penggubalan Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB).

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan memberikan keselesaan kepada rakyat yang sekian lama hidup di perumahan daif.

Justeru, beliau tidak faham mengapa cadangan Rang Undang-Undang (RUU) itu dibantah dan dipolitikkan, sedangkan hasrat kerajaan adalah untuk memastikan rakyat di bandar dapat hidup dalam rumah dan kawasan yang selesa.

Malah, beliau memberi jaminan status tanah asal itu kekal, sama ada rizab Melayu atau Pempatan Pertanian Melayu (MAS).

"Saya kurang mengerti mengapa (PSB) harus dibantah? Ada rakyat yang sudah hidup di flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang usianya sudah 50 tahun, kawasan sesak, tidak selesa, masalah sosial berat dan pelbagai tekanan begitu rupa.

"Sebab itu, menjadi tanggungjawab kita, mesti ada tum-



Anwar bersama Dr Zailha (dua dari kiri), Shamsul Azri (kiri), Maimunah dan Hamdan pada majlis Peluncuran Warisan KL: Wajah Baharu Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

puan, mesti bangun semula perumahan itu, tapi itu dijadikan bahan politik caci-mencaci, (didakwa) merampas Tanah Melayu, agenda Cina untuk mengusir Melayu dari kota.

"Saya tidak mengerti politik begini kerana status tanah tidak berubah," katanya ketika berucap melancarkan Warisan KL: Wajah Baharu Kuala Lumpur di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zailha Mustafa; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dan Pengarah Urusan Think City, Datuk Hamdan Abdul Majeed.

Memberikan contoh flat Sri

Perlis di Jalan Tun Razak yang dibina pada 1961, Perdana Menteri, berkata ia hanya mempunyai satu bilik dan satu bilik air, berdasarkan keupayaan kerajaan pada ketika itu.

Bagaimanapun, memasuki 2025, keadaan itu tidak lagi selesa, terutama dengan pasangan yang mempunyai ramai anak, selain tidak mempunyai kemudahan asas di bawah perumahan itu.

"Sebab itu kita perlu buat pindaan, untuk menjamin mereka ini mendapat rumah baharu, di tempat sama dan lebih kurang di kawasan sekitar, dengan minimum tiga bilik dan dua bilik air," katanya.

## Sedia rumah sementara selesa

Pada masa sama, Perdana Menteri turut meminta Dewan Ban-

daraya Kuala Lumpur (DBKL) memastikan rumah sementara yang didiami ketika projek pembaharuan berkenaan dilaksanakan, memberi keselesaan kepada penduduk yang terbabit, selain dipercepatkan kemajuannya.

"Kita harus ambil tindakan yang segera. Melewatkan pelaksanaan tiga bulan bermakna sengsara keluarga itu tiga bulan. Bayangkan kalau kita di situ, rumah tak siap, tiga bulan, enam bulan tangguh.

"Kalau ada pegawai yang terbabit, saya nak hantar pegawai itu hidup di rumah sementara itu, baru dia tahu bagaimana sengsara dan seksa terpaksa menunggu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri mahu supaya

projek Warisan KL: Warisan Ibu Kota Malaysia MADANI yang diluncurkan semalam disegerakan, dengan turut mengambil kira keperluan dan keselesaan majoriti rakyat.

Beliau berkata, meskipun projek berkenaan membabitkan pembaharuan Kuala Lumpur dan mengangkat pembangunan negara moden, ia tidak boleh mengingirkan rakyat, warisan dan nilai budaya.

"Kita mahu menjadikan program ini segera kerana kita mahu Malaysia memulakan kerangka, perancangan yang moden dan berteknologi baharu, tetapi mengakar ke bumi dengan warisan dan budayanya, nilainya yang memberikan kemudahan kepada kebanyakan rakyat.

"Warisan ini mesti menjamin keselesaan rakyat, kawasan hijau, keselamatan mereka, keindahan padangnya, kesempatan untuk orang berjalan dan berbasikal, ini bagi kita satu kota yang moden, baharu dan bukan untuk memenuhi mana-mana kelas tetapi keperluan semua rakyat," katanya.

Beliau berkata, Kuala Lumpur perlu menjadi bandar raya yang mempertahankan sejarah, budaya dan warisan negara dan tidak hanya dikenali sebagai kota raya dengan identiti moden, termasuk bangunan pencakar langit dan berteknologi tinggi.

"Saya tekankan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), saya tidak boleh terima projek yang megah, gedung besar dan perkasa, itu pandangan orang lain tapi saya mahu gedung kecil, gerai dan warung yang bersih, indah tetapi mematuhi syarat ketat, yang memuliakan 80 peratus rakyat," katanya.